



JABATAN PERDANA MENTERI
BIRO PENGADUAN AWAM

DASAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN BIRO PENGADUAN AWAM JABATAN PERDANA MENTERI

Selaras dengan Arahan Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2019: Arahan Pematuhan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) dan Peraturan-Peraturan di bawahnya oleh semua Kementerian, Jabatan, Agensi Kerajaan dan Badan Berkanun Persekutuan.

Adalah menjadi dasar Biro Pengaduan Awam (BPA), Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk secara berterusan meningkatkan prestasi keselamatan dan kesihatan dalam kalangan pegawai.

Pihak pengurusan dan pekerja akan bersama-sama berusaha untuk mencegah sebarang potensi ketidakakuran perkhidmatannya serta sebarang kemungkinan kecederaan dan penyakit dari insiden yang berlaku di tempat kerja.

BPA, JPM komited untuk memenuhi objektif:

- Menyediakan dan menyelenggara ruang dan sistem kerja yang kondusif, selamat serta sihat dari sebarang risiko;
- Memastikan bahawa semua warga BPA diberikan maklumat, arahan, latihan dan penyeliaan berkenaan cara untuk menjalankan tugas dengan selamat dan tanpa risiko kepada kesihatan di tempat kerja;
- Memantau semua ketidakpatuhan, insiden, penyakit pekerjaan, keracunan pekerjaan dan kejadian berbahaya dan mengambil langkah-langkah bagi memastikan kejadian tidak berulang di masa akan datang;
- Mematuhi kehendak perundangan mengenai keselamatan dan kesihatan setiap pegawai seperti yang ditetapkan di dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514): dan
- Mempromosi dan menghebahkan aspek keutamaan keselamatan dan kesihatan pekerjaan, prosedur kerja, peraturan dan garis panduan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam kalangan warga BPA.

BPA JPM akan berusaha mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan dalam kalangan warga kerja dengan memastikan tempat kerja adalah selamat dan sihat.

**YBHG. DATUK AKBAR BIN HAJI SAMON
KETUA PENGARAH
BIRO PENGADUAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI**